

PROFESION KEGURUAN DAN PEMBANGUNAN INSAN

Buku ini membincangkan tentang kerjaya keguruan sebagai satu profesion yang dapat membangunkan modal insan. Dalam buku ini, guru atau pendidik yang dilatih secara profesional di Universiti Awam dan Institut Pendidikan Guru bertanggungjawab untuk mendidik dan membangunkan modal insan pelajar di sekolah. Untuk itu, para guru terutamanya bakal guru dan guru novis perlu memiliki kemahiran dan keupayaan menjadi seorang yang profesional dan pakar dalam bidangnya. Dalam hal ini, guru-guru memahami bagaimana konsep pendidikan dan keguruan itu berupaya untuk melahirkan insan pelajar yang seimbang dan holistik, sesuai dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Para guru juga memahami dan bahawa profesion keguruan ini merupakan profesion yang membangunkan modal insan yang boleh dilihat dari aspek kaca mata Islam, Barat dan acuan Malaysia. Sebagai agen perubahan dan pembentukan akhlak serta nilai murni pelajar, para guru menjadi harapan ibu bapa, masyarakat dan negara agar pelajar-pelajar yang dilahirkan dari sistem pendidikan kebangsaan ialah insan pelajar yang menjunjung tinggi nilai-nilai keagamaan, adat dan budaya ketimuran serta menjunjung tinggi prinsip-prinsip Rukun Negara. Selain pelajar bakal guru ini, buku yang dihasilkan boleh dijadikan sumber rujukan kepada pengajar guru di Universiti Awam, Universiti Swasta, IPG, pihak berkepentingan di KPM seperti Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru, Bahagian Buku Teks, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, Lembaga Peperiksaan dan lain-lain bahagian dan unit di KPM, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah dan masyarakat secara umumnya.

ZAMRI MAHAMOD Profesor Dr. ialah pensyarah di Pusat Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran, Fakulti Pendidikan, UKM. Mulai berkhidmat di UKM pada tahun 1999 ini memiliki kepakaran dalam bidang Pendidikan Bahasa Melayu, Pendidikan Sastera Melayu, Strategi Pembelajaran Bahasa dan Pendidikan Guru. Berkelulusan Sarjana Muda PBMP dari UPM pada 1992, Sarjana Pendidikan pada tahun 1997 dan Doktor Falsafah pada tahun 2004 dari UKM. Sebagai ahli akademik, beliau telah menghasilkan beberapa buah buku, puluhan bab dalam buku, puluhan jurnal, ratusan prosiding dan membentang puluhan kertas kerja di seminar peringkat antarabangsa dan kebangsaan berkaitan Pendidikan Bahasa Melayu. Antara buku terkini beliau ialah Kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran (2016-UKM), Penulisan Akademik dalam Sains Sosial (2016-UKM), Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (2017-DBP), Pemikiran Inventif (2018-UKM), Guru Cemerlang (2019-UKM), Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (2019-UKM) dan lain-lain.d-zam@ukm.edu.my. ANITA ABDUL RAHMAN Pn. ialah seorang guru berpengalaman dalam bidang pendidikan Matematik. Mulai berkhidmat sebagai pendidik pada tahun 1999 ini berkelulusan Diploma Kejuruteraan Pertanian pada tahun 1990 dan Bachelor Sains Pembangunan Manusia pada tahun 1997 yang kedua-duanya diperoleh dari UPM. Beliau juga memiliki kelulusan Diploma Pendidikan yang diperoleh melalui Kursus Perguruan Lulusan Ijazah dari Maktab Perguruan Batu Rakit (kini IPPG Kampus Dato' Razali Ismail) pada tahun 1999. Kini, beliau berkhidmat sebagai seorang guru di SMK Sultan Abdul Aziz Shah, Kajang. anitafatimah70@gmail.com



<http://ukmpress.ukm.my>



PROFESION KEGURUAN
DAN PEMBANGUNAN INSAN

disunting oleh
ZAMRI MAHAMOD
ANITA ABDUL RAHMAN

PENERBIT
UKM
UKM PRESS



PROFESION KEGURUAN DAN PEMBANGUNAN INSAN

disunting oleh
ZAMRI MAHAMOD
ANITA ABDUL RAHMAN